

09 AUG 2004

CYBERJAYA-PEMBANGUNAN/I

KEMUDAHAN 24-JAM BAGI PEKERJA DI CYBERJAYA

CYBERJAYA, 9 Ogos (Bernama) -- Rancangan sedang dibuat untuk menukarkan Cyberjaya menjadi bandar pintar yang aktif dengan kemudahan 24 jam bagi penduduk yang bekerja dan tinggal di sana, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, hari ini.

"Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengarahkan pembangunan Cyberjaya dilihat semula untuk menjadikannya sebagai sebuah bandar yang aktif," katanya pada sidang media selepas menyaksikan memorandum persefahaman tiga pihak yang dimeterai di sini.

Dr Jamaludin berkata bandar itu akan menyediakan kawasan bekerja yang aktif bagi pekerja yang perlu bekerja mengikut syif di syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) terutama yang berkaitan dengan industri sumber dan penyumbaran luar dikongsi (SSO).

Sasarannya adalah untuk menyediakan kemudahan 24 jam bagi tujuan membeli belah dan makan, selain hiburan yang juga membentuk sebahagian daripada langkah untuk menarik syarikat multinasional menyertai MSC, katanya.

"Kita telahpun berada di kedudukan ketiga (selepas China dan India) dalam Indeks Lokasi Luar Pesisir Menarik (OLAI) global A.T. Kearney, mendahului Filipina, Ireland, Singapura dan Thailand.

"Untuk kekal di tempat ketiga atau beralih ke tempat yang lebih tinggi, kita perlu mewujudkan satu kawasan bekerja yang aktif," kata Dr Jamaludin.

MoU itu menyaksikan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Malaysia Debt Ventures (MDV) dan Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM), bergabung bagi mengambil kesempatan daripada fenomena penyumbaran luar global.

Cyberjaya, bandar pintar pertama Malaysia dilancarkan secara rasmi oleh bekas perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 Julai, 1999.

Terletak di kawasan seluas 2,894 hektar (7,000 ekar), bandar itu adalah nukleus wawasan negara bagi alaf seterusnya, Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dr Jamaludin menjelaskan SSO ketika ini merupakan sektor terbesar dalam MSC, mencatatkan pelaburan lebih RM1 bilion dan mewujudkan hampir 7,000 peluang pekerjaan.

Syarikat-syarikat yang mengendalikan hub perkhidmatan secara berkongsi di MSC termasuklah BMW, DHL, HSBC dan Shell.

"Sebuah syarikat penerbangan antarabangsa ketika ini sedang menimbang untuk memilih Malaysia bagi pembekalan sumber mereka yang kelak dapat menyediakan lagi 500 hingga 600 peluang pekerjaan.

"Pertumbuhan industri ini begitu dramatik sejak beberapa tahun ini dan menjelang 2008, ia dijangka perkhidmatan berkongsi global bernilai kira-kira AS\$500 bilion (RM1,900 bilion)," kata Dr Jamaludin.

Bagi MSC, sasarannya adalah untuk mewujudkan 60,000 peluang pekerjaan dalam SSO menjelang 2008, yang mana sekurang-kurangnya 20 peratus daripada pekerjaan itu akan disediakan oleh syarikat Malaysia.

Satu strategi yang boleh membantu menggalakkan pertumbuhan lebih meluas dalam SSO di negara ini ialah syarikat yang disenarai awam menyediakan modal kewangan kepada usahawan tempatan dan syarikat SSO dalam negeri sedia ada, katanya.

"Kenapa tidak syarikat yang disenarai awam memperuntukkan lima hingga 10 peratus daripada keuntungan mereka dan bekerjasama dengan entiti seperti MDV yang mempunyai kepakaran untuk mengenalpasti syarikat-syarikat SSO yang memerlukan dana untuk berkembang," katanya.

MDV ialah penyedia pertama Asia bagi projek skim pembiayaan hutang.

Dengan dana Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sebanyak RM1.6 bilion, sehingga kini ia telah meluluskan sejumlah 51 permohonan bernilai kira-kira RM960 juta yang mana 38 permohonan telah dibayar, bernilai sekitar RM687 juta.

Dalam perkembangan lain, Dr Jamaludin berkata mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa MSC ke lapan akan berlangsung mulai 1 hingga 4 Sept ini.

Sehingga kini, 15 anggota IAP dan 16 wakil IAP mengesahkan kehadiran mereka.

"Perdana Menteri akan merasmikan mesyuarat berkenaan pada Khamis, 2 Sept dan delegasi akan mula tiba pada Rabu.

"Beberapa penampilan baru mesyuarat IPA ialah Forum Usahawan Teknologi MSC dan Sidang Kemuncak Perniagaan bagi Penyumbaran Luar yang akan diadakan serentak dengan acara empat hari itu.

"Sebagai tambahan, akan berlangsung sesi pecahan untk pertemuan bagi membincangkan secara khusus isu-isu ICT seperti kemajuan ICT, penyumbaran luar dan penumpuan terhadap ICT dan bioteknologi," katanya. -- BERNAMA

MAD OS FR NHD ZK